

Kerajaan Mahu Penguasaan Wanita Dalam Tenaga Kerja Negara Meningkatkan Kepada 55 Peratus
Bernama
12 Mei, 2013

KUALA LUMPUR, 12 Mei (Bernama) -- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ingin melihat penguasaan golongan itu dalam sektor tenaga kerja negara meningkat kepada 55 peratus di akhir Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK10) iaitu 2015.

Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Wanita Datin Munirah Abdullah Bajanuddin berkata ketika ini, wanita hanya menguasai 46.1 peratus tenaga kerja di Malaysia berbanding lelaki iaitu 53.9 peratus.

"Itu untuk seluruh sektor, tidak kira awam mahupun swasta. Tetapi, jika kita melihat industri yang paling banyak disertai wanita, ia tidak lain ialah di peringkat perkeranian," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Sambutan Hari Ibu 2013 bersama Pemangku Ketua Pengarah Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara Dr Anjli Panalal K. Doshi di sini Ahad.

Munirah berkata selari dengan keupayaan wanita yang semakin meningkat berikutan arus pembangunan, pihaknya berharap jumlah untuk mereka sebagai pembuat keputusan dasar juga bertambah kepada 30 peratus dalam tempoh sama.

Mengulas sama ada masyarakat ketika ini menghargai wanita berbanding dahulu, Munirah berkata ia melebihi jangkaan kerana golongan itu sudah mempunyai pendidikan dan keupayaan sama seperti lelaki.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=949116>